

# Mohd Noh kekal terajui UTHM

**Batu Pahat:** Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk tempoh setahun lagi berkuat kuasa hari ini.

UTHM dalam satu kenyataan berkata, pelantikan itu dibuat Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berdasarkan pencapaian cemerlang beliau sepanjang tujuh tahun menerajui UTHM.

Ia pelantikan untuk penggal keempat bagi Mohd Noh yang mula menyandang jawatan berkenaan pada 2008 sebelum dilantik semula pada 2011 dan 2013.

Memiliki ijazah dalam bidang fizik daripada Univer-



**MOHD Noh**

siti Gajah Mada, Indonesia dan Sarjana (Sains) dalam bidang 'Solid State Physics' dari Bedford College, University of London, anak ke-

lahiran Batu Pahat itu turut dipilih berdasarkan kesungguhannya melonjakkan nama UTHM ke persada antarabangsa.

"Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beberapa kejayaan universiti direkodkan antaranya peningkatan pelajar dari sekitar 8,000 orang pada 2008 kepada hampir 17,000 pada 2015.

"Malah, UTHM turut mendapat pengiktirafan lima bintang bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating iaitu satu organisasi pengauditan universiti yang terkenal melalui QS World Ranking," kata kenyataan itu.